

## **KEBOLEHPASARAN GRADUAN PASCA COVID-19**

Beberapa negara termasuk negara-negara maju telah mengisyiharkan secara rasmi memasuki fasa kemelesetan ekonomi seperti United Kingdom, Australia dan Jepun. Malaysia juga dijangkakan bakal menghadapi kemelesetan ekonomi kesan daripada wabak Covid-19 yang melanda. Faktor ekonomi ini pastinya akan memberikan kesan signifikan kepada peluang pekerjaan dan seterusnya meningkatkan pengangguran. Isu pengangguran ini merentasi sektor dan memberi kesan kepada seluruh lapisan masyarakat termasuk graduan.

Statistik menunjukkan bahawa lebih kurang sejuta rakyat memerlukan pekerjaan pada tahun ini di mana seramai 350000 daripadanya adalah graduan ditambah dengan anggaran 200000 pekerja tempatan di luar negara yang terpaksa pulang ke tanahair kerana hilang pekerjaan. Dengan keadaan ekonomi yang sangat mencabar dan ketidakseimbangan perdagangan antarabangsa di samping wabak dan konflik yang berlaku pastinya akan memberikan kesan mendalam terhadap peluang pekerjaan di Malaysia. Graduan di institusi pengajian tinggi juga dijangka akan mendepani isu yang sama dan kadar kebolehpasaran yang baik sebelum ini dijangkakan akan menurun secara signifikan pada tahun ini.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menangani isu pengangguran di kalangan graduan. Antaranya ialah dana Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) berjumlah RM100 juta yang diperuntukkan untuk program latihan dan penempatan pekerjaan, keusahawanan dan ekonomi gig. Kerajaan mensasarkan 18000 graduan akan mendapat pekerjaan, terlibat dalam keusahawanan dan mempunyai pendapatan menerusi ekonomi gig. Inisiatif ini adalah sangat baik dan mendapat sambutan sangat menggalakkan oleh pihak universiti dan mahasiswa.

Namun begitu, usaha menangani isu pengangguran dan kebolehpasaran graduan ini perlu ditangani secara holistik merangkumi perancangan jangka panjang dan pendek juga melibatkan aspek akademik dan ko kurikulum. Kebolehpasaran juga perlu bermula awal sebaiknya sejak di persekolahan lagi. Elemen pembangunan kerjaya dan pemupukan keusahawanan perlu bermula awal dan institusi pengajian tinggi boleh memberikan latihan dan bimbingan lanjut membantu mahasiswa dengan kemahiran dan pengalaman untuk mendepani alam pekerjaan dan keusahawanan. Program pembangunan kemahiran bagi maksud kerjaya dan keusahawanan yang menyeluruh perlu bermula awal dari persekolahan sehingga peringkat institusi pengajian tinggi. Mahasiswa perlu didedahkan dan dibiasakan dengan kepentingan merancang kerjaya dan masa hadapan menerusi kaedah dan pendekatan yang efisien seperti 'Personal Development Plan E-Portfolio' yang merekodkan pencapaian, pelan dan perancangan meningkatkan kemahiran termasuk penyediaan CV yang komprehensif dan bersifat 'evidenced-based'.

Selain daripada inisiatif biasa yang ada berkaitan kerjaya dan keusahawanan seperti carnival kerjaya, temuduga mega, 'gap year', penempatan, praktikum, festival keusahawanan, 'business start-up' dan lain-lain, dasar di peringkat pengajian tinggi juga perlu menyeluruh di samping mewujudkan suasana ramah dengan pemain industri dan mesra keusahawanan. Dengan keterlibatan ini, usaha-usaha menempatkan mahasiswa di industri akan dapat dipertingkatkan secara signifikan. Pihak industri dan usahawan perlu dilibatkan bukan sahaja dari aspek ko-kurikulum tetapi juga akademik. Perlu diingatkan bahawa keterlibatan pihak industri ini tidak bermakna mereka akan menentukan halatuju dan kandungan program tetapi lebih kepada pendekatan 'employer-informed' berbanding 'employer-led'. Mahasiswa bukan sahaja perlu dilengkapkan dengan kemahiran yang diperlukan pasaran tetapi juga mempunyai personaliti yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain pihak industri dan sektor keusahawanan, mungkin aspek yang perlu diberikan perhatian ialah penglibatan komuniti dan sektor masyarakat sivil atau badan bukan kerajaan. Sememangnya tidak dapat dinafikan perkembangan sektor masyarakat sivil ini membuka ruang pekerjaan dan peluang beraktivisme. Kini semakin ramai individu yang menceburi dunia kesukarelawanan dan kemanusiaan serta menjadikannya sebagai kerjaya. Seiring dengan perkembangan ini, sudah sampai masanya institusi pengajian tinggi meneroka peluang dan memberikan pendedahan serta kemahiran kepada mahasiswa agar lebih ramai graduan dapat menceburi bidang kesukarelawanan memberi khidmat kepada masyarakat di samping menjadikannya sebagai kerjaya.

Dimensi lain yang boleh dilihat juga ialah peranan Kesatuan Pelajar (KP) atau Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Umumnya, amalan sebelum ini KP dan MPP berlegar di sekitar kebijakan dan menguruskan program dan aktiviti pelajar. Merujuk kepada amalan KP di luar negara yang memainkan peranan penting dari aspek kebolehpasaran graduan, sudah sampai masanya KP dan MPP di Malaysia juga meneroka fungsi mereka dalam aspek ini. Kerjasama antara institusi pengajian tinggi, pihak industri dan agensi kerajaan dengan KP dan MPP pastinya akan membuka dimensi baru aktivisme pelajar. Sebagai contoh dari aspek keusahawanan, polisi memberikan keutamaan kepada mahasiswa untuk berniaga di kampus boleh dijadikan polisi dan dilaksanakan. Beberapa universiti sudah melaksanakan perkara ini dengan polisi 'Green Lane' yang memberikan beberapa keistimewaan dan insentif kepada pelajar untuk memulakan perniagaan. Kesatuan Pelajar boleh membawa idea kepada pengurusan institusi pengajian tinggi untuk memperuntukkan peratusan tertentu mahasiswa menjalankan perniagaan dan cadangan insentif yang bersesuaian agar mereka boleh bersaing dengan peniaga-peniaga lain di kampus dan di luar.

Institusi pengajian tinggi juga perlu meneroka dan mempergiatkan kerjasama bersama Alumni bagi membantu kebolehpasaran dan potensi keusahawanan. Kejayaan dan kegemilangan banyak universiti terkemuka dunia adalah kerana peranan Alumni. Alumni boleh dilibatkan secara rasmi dan tidak langsung seperti ahli Lembaga penasihat hal ehwal keusahawanan dan kerjaya. Usahawan Alumni boleh memberi panduan dan bimbingan kepada mahasiswa dari aspek perniagaan bahkan berpotensi menyuntik dana awal untuk mereka memulakan perniagaan. Manakala Alumni yang memegang jawatan strategik mampu untuk membuka ruang jaringan kepintaran mendekatkan mahasiswa dengan industri.

Mungkin antara aspek yang kurang diberikan perhatian ialah kebolehpasaran graduan OKU. Seiring dengan Dasar 1% OKU di Perkhidmatan Awam, program kebolehpasaran OKU perlu dipertingkatkan merentasi sektor swasta, korporat dan masyarakat sivil. Peruntukan khas PENJANA misalnya mesti ada memperuntukkan program kebolehpasaran graduan OKU. Mahasiswa OKU memerlukan perhatian khusus kerajaan dan institusi pengajian tinggi serta Kesatuan Pelajar. Dasar inklusif ini serba sedikit akan dapat membela nasib dan masa hadapan graduan OKU.

Revolusi Industri 4.0 dan Wabak Covid-19 telah memberikan implikasi yang sangat signifikan kepada graduan dari aspek peluang pekerjaan dan keusahawanan berikutnya keadaan ekonomi yang tidak menentu. Inisiatif kerajaan dengan menyuntik sebanyak RM100 juta dana PENJANA sememangnya tepat pada masanya. Namun, cabaran dan liku-liku yang dihadapi adalah sangat besar malahan lebih hebat berbanding yang lalu. Oleh itu, semua pihak meliputi kerajaan, institusi pengajian tinggi, Kesatuan Pelajar, Alumni, pihak industri dan badan bukan kerajaan perlu bergembung tenaga menangani isu ini secara kolektif dan berhikmah. Perbezaan ideologi dan fahaman politik perlu diketepikan dan semua perancangan yang membawa manfaat perlu dilaksanakan demi menjamin masa hadapan yang lebih baik kepada graduan khususnya dan rakyat Malaysia umumnya.

**Oleh Zulkifli Hasan, Timbalan Rektor (Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. [www.zulkiflihasan.com](http://www.zulkiflihasan.com)**